

Pelajar dinasihati beri tumpuan kuasai pelbagai cabang ilmu

UM 17 JAN 2002

SERDANG 16 Jan. — Pelajar bumiputera diingatkan agar memberi lebih tumpuan terhadap penguasaan pelbagai cabang ilmu bagi mengelakkan mereka terpinggir daripada nikmat kemajuan ketika Malaysia bergelar negara maju pada tahun 2020 nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tanpa kekuatan ilmu sudah tentu sesuatu kaum itu tidak mampu menghadapi era globalisasi yang menyaksikan kuasa-kuasa besar berusaha melemahkan negara ini.

Justeru, kata beliau, kerajaan adakalanya terpaksa berkeras sedikit terutama kepada pelajar Melayu kerana tidak mahu mereka ketinggalan serta dihina pada masa depan.

"Kalau bakal pemimpin masa depan tidak mempunyai ihnu dan kebolehan yang tinggi, adalah mustahil negara kita dapat dimajukan.

Oleh itu, kita kena serius dalam menuntut ihnu. Jika tidak, kita akan

terus menjadi sebahagian daripada anggota kaum yang mundur," katanya sewaktu berucap pada majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri anjuran Universiti Putra Malaysia di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menambah, para pelajar bumiputera juga tidak boleh bersikap lebih kurang dalam menuntut ilmu kerana ia akan menyebabkan lahirnya golongan pekerja 'separuh masak' di negara ini.

Jika ini terjadi katanya, maka negara akan ditadbir oleh ramai kakitangan yang tidak cekap sehingga boleh membantutkan pembaugunan.

Perdana Menteri berkata, beliau memberi peringatan yang lebih terhadap pelajar bumiputera kerana ramai di antara mereka tidak berminat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi terutama kalangan lelaki.

Katanya, perkara itu tidak ketara di universiti awam kerana adanya sistem kuota yang menjadikan mereka golongan majoriti di situ.

Bagaimanapun, ujarnya, kekurangan tersebut begitu serius di pusat pengajian tinggi swasta sehinggakan nisbah pelajar keseluruhan di peringkat pengajian tinggi menunjukkan hanya 25 peratus sahaja pelajar bumiputera.

Lebih malang, kata Dr. Mahathir, kerajaan tidak boleh mewujudkan sistem kuota di kolej-kolej swasta kerana ketiadaan pelajar bumiputera untuk mengisinya.

"Ini kenyataan yang tidak boleh diketepi atau dilupakan. Selagi tidak ada usaha untuk merapatkan jurang ilmu tersebut maka selagi itulah jurang ekonomi antara kaum akan sukar diatasi," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pelajar Melayu hams menunjukkan kepada kaum-kaum lain bahawa keupayaan penguasaan ilmu mereka adalah setanding dengan bukan Melayu.

Malah, katanya, kerajaan amat berharap untuk melihat lahirnya ramai pelajar

berprestasi tinggi serta luar biasa kerana ia akan membantu mempercepatkan lagi proses kemajuan negara.

Dr. Mahathir berkata, kewujudan anggota masyarakat yang mundur tidak akan menyumbang kepada keamanan dan ketenteraman negara.

Sehubungan itu, beliau berharap para pelajar Melayu akan mengetepikan sementara minat mereka dalam bidang lam terutama politik.

"Kalau minat politik sekali pun tunggulah sehingga habis belajar.

"Politik akan berterusan di negara kita selama-lamanya. Jika tidak ada politik akan ada orang cipta politik," tambah Perdana Menteri.

Katanya, kerajaan sebenarnya tidak berniat menghalang minat dan hasrat pelajar untuk 'membetulkan' dunia ini.

Namun jelas beliau, sumbangan mereka tentulah akan lebih bermakna jika mempunyai ilmu dan kelulusan yang tinggi.